

Headline	Community College get assist from Proton (Proton bantu ...)
Date	03. Feb 2007
Media Title	Harian Metro
Section	Setempat
Circulation	172903
Readership	605160
Language	MALAY
Page No	32
Article Size	159 cm <sup>2</sup>
Frequency	Daily
Color	Full Color



# Proton bantu Kolej Komuniti

## Sedia latihan, peluang pekerjaan kepada pelatih

**P**ROTON Holdings Bhd (Proton) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pengajian Tinggi bersama 32 syarikat swasta lain bagi memberi peluang latihan kepada kakitangan serta peluang pekerjaan kepada pelatih Kolej Komuniti.

Selain latihan pekerjaan kepada pelatih, MoU itu memberi sumbangan daripada peralatan dan kemudahan syarikat di samping membantu membangunkan kurikulum Kolej Komuniti mengikut keperluan industri.

MoU itu dimeterai pada majlis penjenamaan semula Kolej Komuniti di Kepala Batas, Pulau Pinang sema-

lam yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selain Proton, syarikat berkaitan kerajaan lain yang turut memeterai MoU ialah Telekom Malaysia Berhad, Malaysia Airlines System Berhad, MIMOS Berhad, Proton Holdings Berhad, DRB-Hicom Berhad dan United Engineers (M) Berhad.

Abdullah berkata, institusi pengajian dan pusat latihan kemahiran perlu mempunyai tenaga pengajar yang berkualiti dan dilengkapi pelbagai kemudahan.

Mengenai penjenamaan semula Kolej Komuniti, katanya, ia bertujuan mening-

katkan lagi kualiti dan imej Kolej Komuniti serta membuka lembaran baru dalam pendidikan dan latihan bersepadu.

Menurutnya, sebanyak 25 Kolej Komuniti sudah diwujudkan menjadikan semuanya berjumlah 60 serta 20 kolej cawangan akan dibina sehingga 2010, untuk meningkatkan keupayaan pengambilan pelatih daripada 120,000 orang kepada 240,000 orang.

Selain itu, beberapa pembaharuan termasuk insentif dan tawaran kursus pengajian di peringkat diploma untuk membolehkan pelajar menyambung pengajian di peringkat ijazah akan di perkenalkan.